

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SERBUAN 223,000 UNIT TOPENG MUKA DISOROK DAN PENJUALAN MELEBIHI HARGA MAKSIMUM MELALUI URUSNIAGA PERDAGANGAN ELEKTRONIK (*ONLINE*)

PETALING JAYA, 25 MAC 2020 – Sepasukan pegawai Penguatkuasa dari Seksyen Taktikal & Serbuan KPDNHEP Putrajaya telah membuat serbuan di sebuah premis di Kota Damansara, Petaling Jaya.

Hasil serbuan dan pemeriksaan ke atas premis tersebut, menemukan sejumlah **223,000 unit topeng muka 3 lapis yang di sorok untuk dijual secara tersembunyi kepada pelanggan dengan harga yang lebih tinggi iaitu RM3.50 seunit melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan iaitu RM2.00 seunit. Nilai rampasan** bagi kesemua topeng muka yang dirampas adalah dianggarkan berjumlah **RM446,000.00**

Operasi ini dijalankan hasil daripada maklumat yang diterima daripada orang awam berkaitan penjualan topeng muka yang melebihi harga maksimum kawalan di facebook ***Face Mask Wholesale (Malaysia Only)*** dan ***Pseud John Elton***. Suspek menggunakan laman sosial *facebook* untuk mengiklan penjualan topeng muka. Kaedah penjualan adalah melalui pesanan aplikasi *whatsapp* dan barang dihantar melalui pos atau melalui kaedah *Cash On Delivery (COD)* di kawasan Kota Damansara Petaling Jaya.

Suspek di dapati melakukan kesalahan di bawah **Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011)** dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 dan bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM1,000,000.00; atau jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, di denda tidak melebihi

RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Pengguna disarankan agar menyalurkan maklumat kepada Kementerian ini dengan melaporkan sebarang kegiatan yang mencurigakan melalui **hotline 1-800-886-800** atau **03-8882 6088/ 6245** di **Enforcement Command Centre (ECC)** atau di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my>.

-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Dato' Iskandar Halim Bin Sulaiman
Pengarah
Bahagian Penguatkuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
(KPDNHEP)
PUTRAJAYA

Tel : 03-88826607

Emel : iskandar_halim@kpdnhep.gov.my